Soalan No : 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 17.11.2014

SOALAN :

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana pembocoran kertas peperiksaan Sains dan kedua-dua kertas Bahasa Inggeris UPSR boleh berlaku sedangkan SOP sedia ada. Kenapa kebocoran tersebut hanya berlaku di pusat peperiksaan Sekolah Kebangsaan sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kejadian kebocoran kertas peperiksaan ini amat mendukacitakan semua pihak, dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat laporan polis supaya satu siasatan menyeluruh dapat dilakukan dengan serta merta. KPM yakin pihak berkuasa akan dapat merungkai punca berlakunya kebocoran kertas peperiksaan UPSR tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terlibat dan bertanggungjawab dalam perkara ini, dan akan mengambil tindakan ke atas pegawai KPM, jika mereka

disabitkan bersalah oleh pihak berkuasa mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

RJM115

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY JUSOH [SETIU]**
TARIKH	:	**17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**
SOALAN	:	**17**

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian telah mengkaji untuk melaksanakan Caj Permit Masuk Kenderaan (VEP) bagi kenderaan yang masuk dari semua pintu sempadan negara serta bilakah ianya boleh dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji pelaksanaan VEP bagi kenderaan pendaftaran asing ke Malaysia dan tarikh kuatkuasa akan ditetapkan selepas Kerajaan menyiapkan sistem yang bersesuaian bagi pelaksanaan ini.